SOALAN NO: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]**
TARIKH	:	**28 OKTOBER 2015**
SOALAN	:	

YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) apakah Kerajaan akan melaksanakan kawalan harga (price control) ubat-ubatan seperti mana yang dilakukan dalam kawalan harga barangan keperluan asas yang lain; dan

(b) penambahan dana yang terpaksa diperuntukan oleh Kerajaan dalam menangani kenaikan pembelian ubat-ubatan dan kelengkapan di hospital-hospital Kerajaan akibat daripada penyusutan nilai ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

(a)Pada masa ini, tiada peruntukan undang-undang sedia ada yang mengawal harga ubat-ubatan yang dijual di Malaysia. Harga ubat-ubatan ditentukan menerusi kuasa pasaran dan persaingan antara industri-industri farmaseutikal yang terlibat. Persaingan yang

41

kompetitif dalam pasaran farmaseutikal adalah selaras dengan Akta Persaingan 2010.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga mengambil maklum bahawa kawalan harga barangan adalah di bawah kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) iaitu melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

KKM memandang serius terhadap isu harga ubat memandangkan akses rakyat kepada ubat mampu milik (affordable medicines) merupakan salah satu komponen dalam Dasar Ubat Nasianal (DUNas). Jesteru, KKM sedang mengkaji mekanisma kawalan harga yang bersesuai dengan sistem kesihatan di Malaysia. Penentuan harga ubat-ubatan hanya dapat dilaksanakan dengan berkesan jika maklumat harga ubat-ubatan boleh diperolehi secara mandatory daripada syarikat-syarikat .

(b) Buat masa ini impak penyusutan nilai ringgit terhadap peningkatan keperluan dana bagi tujuan perolehan ubat-ubatan di semua fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah terkawal. Hampir 80% perolehan ubat-ubatan yang digunakan di fasiliti KKM adalah melalui kaedah kontrak yang telah dimuktamadkan harganya untuk suatu tempoh tertentu. Sekiranya penyusutan nilai ringgit berlanjutan dan memberi impak ketara terhadap pembelian ubat-ubatan, KKM akan membuat langkah-langkah penyesuaian bagi menangani masalah ini.